

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW**  
**KAWASAN : KEPONG**  
**TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)**  
**NO. SOALAN : 31**

**YB Dr. Tan Seng Giaw minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan persiapan Kerajaan untuk menghadapi pentadbiran Amerika Syarikat yang dipimpin oleh Presiden Trump termasuk ketiadaan TPPA.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang kukuh. Perlantikan Donald Trump sebagai Presiden A.S. yang baru dijangka tidak akan menjaskan hubungan ekonomi di antara kedua-dua negara.

A.S. adalah rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia pada tahun 2016, dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.88 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.3 peratus. Dari jumlah ini, eksport mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM80.23 bilion, didorong oleh eksport barangan perkilangan yang menyumbang 95.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke negara tersebut.

Dari segi pelaburan, A.S. merupakan pelabur kedua terbesar dalam sektor pembuatan di Malaysia. Bagi tempoh Januari-September 2016, sebanyak 12 projek pelaburan dari negara berkenaan telah diluluskan dengan nilai pelaburan RM 503.81 milion. Pelaburan ini dijangka akan menjana 824 peluang pekerjaan.

Kerajaan juga akan terus menggiatkan usaha-usaha promosi perdagangan dan pelaburan ke A.S. serta mengadakan perbincangan dengan pelabur-pelabur dan ahli-ahli perniagaan yang berminat untuk menjadikan Malaysia sebagai sumber utama import dan destinasi pelaburan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Sekiranya TPPA tidak berkuatkuasa berikutan pengunduran A.S., negara-negara anggota yang lain mempunyai alternatif untuk meneruskan pelaksanaan TPPA tanpa A.S. Pada masa yang sama, Malaysia juga boleh menimbang untuk mengadakan perjajian perdagangan dua hala dengan negara-negara TPPA yang mana Malaysia masih belum mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas seperti dengan Mexico, Canada dan Peru.

Saya juga ingin menekankan bahawa Malaysia sedang merundingkan satu perjanjian perdagangan bebas yang mempunyai potensi ekonomi besar iaitu Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 buah negara lain, termasuk 7 buah negara anggota TPPA. Tumpuan negara pada masa ini ialah untuk memuktamadkan rundingan tersebut yang bertujuan untuk memperkasakan integrasi ekonomi ASEAN melalui Komuniti Ekonomi ASEAN yang dilancarkan di Malaysia pada 2015. Kesemua 16 negara anggota RCEP mewakili 50 peratus populasi dunia dengan jumlah Keluaran Dalam Negara Besar (KDNK) sebanyak US\$20.8 trilion (28.1 peratus daripada KDNK dunia) menawarkan pasaran yang besar untuk Malaysia. Selain ini, negara anggota RCEP juga mewakili 28.7 peratus daripada jumlah perdagangan global iaitu sebanyak US\$9.55 trilion dan sejumlah US\$329.6 bilion dalam aliran masuk pelaburan asing.